

1. Nama Program: **ASASI BAHASA INGGERIS (N/010/3/0043)**
2. Kod Program: **FA06**
3. Kelulusan Pengendalian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM):
 - (a). Nombor Surat Jabatan Pendidikan Swasta (JPS): JPT/BPP(U)1000-801/64/Jld.7(25)
 - (b). Tarikh Surat Kelulusan: 29 Mei 2017
 - (c). Tarikh Tamat Kelulusan: 28 Mei 2022
4. Perakuan Akreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA):
 - (a). Nombor Pendaftaran MQA: MQA/PA 8633
 - (b). Tarikh Akreditasi Penuh: -
5. Fakulti dan Jabatan yang Menawarkan Program:
 - (a). Pusat Asasi, KUIS
 - (b). Jabatan Bahasa
 - (c). Alamat Laman Web: <http://asasi.kuis.edu.my/>
6. Jenis Pengajian: Sepenuh Masa (Full Time) dan Separuh Masa (Part Time)
7. Bahasa Pengantar Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P): Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
8. Tempoh Pengajian: (i). Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): 3 Semester (1 Tahun)

Di sini
lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'

1

Setiap semester mengandungi **12 minggu kuliah** dan **2 minggu peperiksaan akhir semester**. Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk mengetahui takwim akademik 2017 (rujuk menu utama **Pelajar** dan klik pada sub menu **Takwim Akademik**).

9. Waktu Perkuliahan (Aktiviti Pengajaran dan Pengajaran – P&P):
 - (a). Secara umumnya, KUIS membenarkan aktiviti perkuliahan dilaksanakan pada Isnin hingga Jumaat, diantara jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam.
 - (b). Bagaimanapun, bagi program Sarjana secara kerja kursus dan/ atau mod campuran, waktu kuliah ialah dari jam 6:00 petang hingga 9:30 malam (rehat/ solat Maghrib antara jam 7:30 hingga 8:00 malam). Susunan jadual perkuliahan adalah mengikut ketetapan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) KUIS.
10. Syarat Kelayakan Masuk:
 - Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 5 kepujian termasuk Bahasa Inggeris (tidak termasuk Lukisan/Pendidikan Seni Visual) atau kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
11. Hasil Pembelajaran Program: Di akhir program ini graduan berupaya untuk:
 - i. Menunjukkan kefahaman dalam fakta, konsep, prinsip dan proses dalam bidang asas Bahasa Inggeris
 - ii. Mengaplikasikan (menggunakan) prinsip-prinsip asas dalam bidang Bahasa Inggeris dalam

- mengenal pasti dan menyelesaikan masalah asas Bahasa Inggeris dengan berkesan.
- iii. Mempunyai daya kepimpinan yang baik samada dari segi penyelesaian masalah dan mampu menyumbang buah fikiran dan tenaga dalam kerja-kerja berpasukan ataupun individu.
 - iv. Menunjukkan kemahiran berkomunikasi yang berkesan dalam menyampaikan idea-idea yang bernas dalam proses perbincangan dan pembentangan dengan mempamerkan etika yang baik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial selari dengan kehendak syariat Islam;
 - v. Mencari dan membantu urus informasi dengan baik dan menggunakan maklumat untuk mendapatkan ilmu baru serta menunjukkan komitmen bagi pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan professional.

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'

12. Jumlah Nilai Kredit Keseluruhan Program: 50 Kredit
13. Bilangan Kursus dalam Program: 15 kursus yang terdiri daripada:

Bil.	Kategori Kursus	Bilangan Kursus	Nilai Kredit	Peratus Kredit
1.	Modul Wajib	3	9	18
2.	Teras Umum	4	9	18
3.	Teras Disiplin	11	32	64
JUMLAH		18	50	100%

14. Struktur Program Sepenuh Masa (Full Time):

Semester 1

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	FAPA 1042	KEMAHIRAN KOMUNIKASI UNTUK PROFESIONAL MUSLIM	2	D	TERAS UMUM
2.	FAWU 1033	AL-LUGHAH AL-ARABIAH I	3	D	WAJIB UNIVERSITI
3.	FAFE 1013	GRAMMAR I	3	D	TERAS DISIPLIN
4.	FAFE 1023	READING I	3	D	TERAS DISIPLIN
5.	FAFE 1032	LEARNING SKILLS	2	D	TERAS DISIPLIN
6.	FAFE 1043	LISTENING AND SPEAKING SKILLS	3	D	TERAS DISIPLIN
JUMLAH NILAI KREDIT			15		

2

Semester 2

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	FAPA 1032	PENGANTAR ILMU TAUHID	2	D	TERAS UMUM
2.	FAPA 1013	INTRODUCTION TO COMPUTER	3	D	TERAS UMUM
3.	FAFE 1053	GRAMMAR II	3	D	TERAS DISIPLIN
4.	FAFE 1063	READING II	3	D	TERAS DISIPLIN
5.	FAFE 1073	WRITING I	3	D	TERAS DISIPLIN
6.	FAFE 1083	INTRODUCTION TO LITERATURE I	3	D	TERAS DISIPLIN
JUMLAH NILAI KREDIT			17		

Semester 3

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Kategori Kursus
1.	FAWU 1063	PENGANTAR PSIKOLOGI ISLAM	3	D	WAJIB UNIVERSITI
2.	FAPA 1022	TILAWAH	2	D	TERAS UMUM
3.	FAWU 1043	AL-LUGHAH AL-ARABIAH II	3	D	WAJIB UNIVERSITI
4.	FAFE 1093	WRITING II	3	D	TERAS DISIPLIN
5.	FAFE 1103	INTRODUCTION TO LITERATURE II	3	D	TERAS DISIPLIN
6.	FAFE 1113	INTRODUCTION TO ENGLISH SOUNDS	3	D	TERAS DISIPLIN

JUMLAH NILAI KREDIT

17

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'

15. Prospek Kerjaya:

Program Asasi digubal sebagai landasan kepada pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau O Level yang berkelayakan untuk mengikuti kelas persediaan sebelum mengikuti pengajian tinggi diperingkat ijazah sarjana muda. Kelulusan diperingkat pengajian asasi tidak digunakan sebagai kelayakan untuk memulakan kerjaya.

16. Prospek Melanjutkan Pengajian ke Peringkat Lebih Tinggi:

(a). Layak melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Awam dan Universiti Swasta dalam dan luar negara yang mengiktiraf lulusan Asasi KUIS.

(b). KUIS juga menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke program Ijazah Sarjana Muda berikut:

(i) Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)

- BB01 Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian)
- BB02 Pengurusan Sumber Insan (Kepujian)
- BB03 Ekonomi dan Kewangan (Kepujian)
- BB05 Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian)
- BC02 Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian)

(ii) Fakulti Pendidikan (FPen)

- BE01 Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dengan Multimedia (Kepujian)
- BE02 Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian)

(iii) Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM)

- BT02 Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) (Kepujian)

(iv) Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)

- BI01 Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang (Kepujian)
(Minimum PNGK 2.00 DAN kredit dalam subjek Bahasa Arab dan 1 daripada subjek Pengajian Islam di peringkat SPM)

17. Kemudahan Kediaman dan Penempatan Pelajar: KUIS tidak menyediakan kemudahan asrama penginapan untuk pelajar pasca siswazah (Sarjana/ PhD).

18. Anggaran Yuran Keseluruhan Program:

(a). Pelajar **Warganegara Malaysia** : i. Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): RM **5,912.00**

(b). Pelajar **Antarabangsa** : Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): RM **9,067.00**



Bil.	Kategori Yuran	Anggaran Yuran (RM)	
		Warganegara Malaysia	Pelajar Antarabangsa
1.	Yuran Pendaftaran	1,000.00	1,000.00
2.	Yuran Asas	775.00	690.00
3.	Yuran Pengajian dan Peperiksaan	2,520.00	5,760.00
4.	Yuran Penginapan	1,617.00	1,617.00
JUMLAH KESELURUHAN		5,912.00	9,067.00

Dai'

Ulama'

Umara'

* Yuran penginapan di atas adalah bagi jenis Dormitori D/ Dormitori Q

Sila rujuk **Lampiran I – Maklumat Lanjut Anggaran Yuran Program**

19. Sumber/ Jenis Pembiayaan Pengajian Tinggi:

(a). Terdapat pelbagai sumber/ jenis pembiayaan pengajian tinggi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar warganegara Malaysia. Antaranya ialah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pembiayaan	Sumber/ Contoh
1.	Biasiswa	Tajaan Khas KUIS (TKK) khusus untuk pelajar ASASI KUIS, Kumpulan Media Karang kraf
2.	Derasiswa	Lembaga Zakat Selangor (anak Selangor dalam kategori asnaf zakat), Pusat Zakat Sabah, Majlis Agama Islam Selangor (khusus untuk Muallaf), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
3.	Bantuan Kewangan	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (khas untuk pelajar OKU)
4.	Pinjaman	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kumpulan Media Karang kraf, Yayasan Pahang, Yayasan Sime Darby, Yayasan Sabah, Yayasan Tuanku Najihah, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, Jabatan Perkhidmatan Negeri Sabah, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tabung Kumpulan Biasiswa Negeri Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Permodalan Nasional Berhad, pinjaman pendidikan ditawarkan oleh bank-bank komersil
5.	Pembiayaan Sendiri	Ibu bapa/ Penjaga, Wang Simpanan Peribadi

4

(b). Pilihan samada untuk memohon biasiswa, derasiswa, bantuan kewangan, pinjaman dan/ atau mengeluarkan simpanan sendiri adalah terletak di atas budi bicara pelajar dan juga ibu bapa/ penjaga.

(c). Seksyen Penajaan dan Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa akan membantu menyelaras permohonan biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK) serta permohonan pinjaman PTPTN dan MARA oleh pelajar pra siswazah KUIS. Bagi sumber pembiayaan pengajian lepasan siswazah pula (sarjana, PhD), pelajar/ ibu bapa/ penjaga dicadangkan untuk mengambil inisiatif sendiri memohon terus kepada pihak yang berkaitan.

20. Biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK):

(a). Pelajar program Asasi KUIS mempunyai pilihan samada membiayai pengajian menggunakan sumber kewangan sendiri ataupun menggunakan Biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK). Pelajar yang berminat hendaklah mengajukan permohonan untuk mendapatkan Biasiswa TTK kepada Seksyen Penajaan dan Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) sebaik sahaja sah menjadi pelajar berdaftar KUIS.

(b). Pemberian Biasiswa TTK adalah tertakluk kepada prestasi akademik pelajar. Berikut ialah kaedah pemberian biasiswa TTK:



- i. Semua pelajar berdaftar program Asasi KUIS yang berjaya dalam permohonan mendapatkan Biasiswa TTK akan diberikan pengecualian (i) Yuran Pengajian dan Peperiksaan, serta (ii) Yuran Peningapan (Asrama) pada Semester 1.
- ii. Manakala, bagi Semester 2 dan Semester 3 berikutnya, Biasiswa TTK akan diberi berdasarkan prestasi akademik pelajar yang diukur berasaskan Purata Nilai Gred (PNG) seperti berikut:

Pencapaian Purata Nilai Gred (PNG)	Pembiayaan oleh Biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK)
3.75 – 4.00	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pengajian dan Peperiksaan, • Yuran Peningapan (Asrama), dan • Elaun Sara Diri.
3.50 – 3.74	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pengajian dan Peperiksaan, dan • Yuran Peningapan (Asrama).
3.00 – 3.49	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pengajian dan Peperiksaan sahaja.
Bawah 3.00	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dengan PNG dibawah 3.00 tidak layak menerima Biasiswa TTK

(c). Pelajar yang menerima/ menggunakan Biasiswa TTK adalah tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani diantara pelajar/ ibu bapa dengan KUIS antaranya seperti berikut:

- i. Pelajar program Asasi KUIS DIWAJIBKAN menyambung pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda di KUIS.
- ii. Pelajar program Asasi KUIS dibawah Biasiswa TTK yang mengambil keputusan untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di luar KUIS DIWAJIBKAN memulangkan keseluruhan nilai Biasiswa TTK yang diterima bersama dengan lain-lain yuran perkhidmatan yang ditetapkan oleh KUIS sepertimana termaktub dalam perjanjian.

(d). Sila rujuk Seksyen Penajaan & Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) KUIS untuk maklumat lanjut mengenai Biasiswa Tajaan Khas KUIS (TKK).

21. Saluran Komunikasi/ Perhubungan:

KUIS sentiasa mengalu-alukan komunikasi dua hala dengan calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja dan orang ramai. Berikut ialah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan dan/ atau permohonan maklumat yang berkaitan:

Bil.	Perkara/ Pertanyaan Berkaitan	Pusat Tanggungjawab (PTJ)
1.	Program pengajian dan kursus/ subjek	Jabatan Bahasa, Pusat Asasi
2.	Permohonan, penawaran dan pendaftaran	Seksyen Permohonan dan Kemasukan Pelajar, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK)
3.	Yuran program pengajian	Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar (BPHKP)
4.	Pembiayaan pengajian tinggi	Seksyen Penajaan & Kebajikan, Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM)
5.	Kediaman dan penempatan (termasuk yuran asrama)	Bahagian Kediaman dan Penempatan Pelajar (BKPM)

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

5



22. Pegawai Perhubungan:

Mohon jasa baik dan kerjasama calon pelajar/ ibu bapa/ penjaga/ penaja/ orang ramai untuk menghubungi KUIS melalui telefon dan berkomunikasi dengan pegawai berikut bagi sebarang pertanyaan yang berkaitan. Komunikasi melalui e-mel juga amat dialu-alukan.

Nombor telefon utama KUIS ialah: **03-8911 7000**

Bil.	Perkara/ Pertanyaan Berkaitan	Nama Pegawai Perhubungan	No. Samb. Telefon	Alamat E-mel
1.	Program pengajian dan kursus/ subjek	Nujaidah Binti Nuwairi	2305	nujaidah@kuis.edu.my
2.	Permohonan penawaran dan pendaftaran	Ani Binti Abdul Jalil	1205	admission@kuis.edu.my
		Sharifah Nor Shahira Binti Syed Bahar	2240	
		Siti Nirwana Binti Johar	1418	
		Muhammad Zuhdi bin Jasman	1220	
3.	Yuran program pengajian	Noor Adilah Mohamad Daud	3335	studentfinance@kuis.edu.my
		Hafiz Uzair bin Jamaluddin	3399	
		Salmah Binti Ahmad	3322	
4.	Pembiayaan pengajian tinggi	Hanifah binti Haron	1117	hanifah@kuis.edu.my
		Junizah Mardianah Jaafar	3106	junizah@kuis.edu.my
5.	Kediaman dan penempatan (termasuk yuran asrama)	Muhammad Fairuz Yusoff	3203	muhdfairuz@kuis.edu.my
		Abdul Wafi bin Mohd Haidar	3206	abdulwafi@kuis.edu.my
		Mohd Faizal bin Ramaiya	3204	mohdfaizal@kuis.edu.my

23. Pandangan/ Pendapat Alumni KUIS:

Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk membaca testimonial graduan/ alumni mengenai KUIS (rujuk menu utama **Alumni** dan klik pada sub menu **Testimonial Alumni**).



LAMPIRAN I
 MAKLUMAT LANJUT ANGGARAN YURAN PROGRAM (ASASI)

Di sini
 lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara

1. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS adalah merangkumi pelbagai bentuk yuran seperti berikut:
 - i. **Yuran Pendaftaran** RM1,000.00 (pelajar warganegara Malaysia) atau RM1,150.00 (pelajar antarabangsa) dijelaskan sekali sahaja iaitu sebelum atau pada Hari Pendaftaran Pelajar Baharu KUIS. Ini adalah yuran pertama yang dijelaskan oleh pelajar.
 - ii. **Yuran Asas** berkaitan pelbagai perkhidmatan/ kemudahan di KUIS yang perlu dijelaskan pada setiap semester merangkumi:
 - a. Takaful Pelajar = RM 85.00 (untuk pelajar tempatan sahaja, sekali setiap tahun). Pelajar antarabangsa akan menjelaskan takaful yang diuruskan melalui pihak Education Malaysia Global Services (EMGS) = RM 480.00 (setahun)
 - b. Tabung Infaq/ Kebajikan Pelajar = RM 20.00 (setiap semester)
 - c. Yuran Perpustakaan = RM 50.00 (setiap semester)
 - d. Yuran Makmal Komputer = RM 70.00 (setiap semester)
 - e. Yuran Aktiviti Pelajar = RM 50.00 (setiap semester)
 - f. Yuran Perkhidmatan Kesihatan = RM 40.00 (setiap semester)
 - iii. **Yuran Pengajian dan Peperiksaan** tertakluk kepada peringkat program pengajian yang diikuti (asasi/ diploma/ sarjana muda/ sarjana/ doktor falsafah), bilangan keseluruhan kursus dan jumlah nilai kredit yang perlu didaftarkan. Kadar yuran ini boleh berbeza diantara satu sesiambilan pelajar ke satu sesiambilan pelajar yang lain tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM).
2. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS dan juga anggaran jumlah pinjaman PTPTN (untuk **Warganegara Malaysia** sahaja) atau Tabung Tajaan Khas KUIS (TKK) dalam dokumen Maklumat Program ini disediakan sebagai panduan umum kepada calon/ bakal pelajar serta ibu bapa yang berminat menyambung pengajian di KUIS. Jumlah sebenar yuran yang dikenakan tidak semestinya tepat/ sama dengan jumlah anggaran yang diberikan. Berikut disenaraikan beberapa perkara yang akan menyebabkan jumlah sebenar Yuran Keseluruhan berbeza dari jumlah anggaran:
 - i. **Jumlah nilai kredit kursus yang didaftarkan** - ada pelajar mendapat pengecualian dari mengambil kursus-kursus tertentu. Perkara ini akan menyebabkan nilai kredit berkurangan jika dibandingkan dengan pelajar yang mengambil keseluruhan kursus dalam program pengajian.
 - ii. **Ulang kursus** - pelajar yang gagal dalam kursus tertentu perlu mengulang kursus tersebut. Perkara ini menyebabkan pelajar perlu menjelaskan yuran pengajian dan peperiksaan buat kali kedua.
 - iii. **Pelajar menukar program pengajian** - setiap program pengajian mempunyai jumlah kredit tertentu dan berbeza dari program yang lain. Pertukaran program akan menyebabkan jumlah kredit bertambah atau berkurang dan pastinya memberi kesan kepada Yuran Pengajian. Pelajar dinasihatkan untuk memilih program pengajian dengan berhati-hati agar tidak perlu menukar program. Penukaran program sangat tidak digalakkan kerana melibatkan pembatalan perjanjian pinjaman PTPTN program asal dan pelajar perlu memohon semula pinjaman PTPTN bagi membiayai pengajian program baharu.
 - iv. **Diskaun Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu 50%** - diberikan khusus kepada Alumni KUIS yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di KUIS.



3. Kadar pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah berdasarkan kepada Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2014 yang berkuatkuasa mulai 1 November 2014. Sebarang perubahan jumlah pembiayaan PTPTN adalah tertakluk kepada budibicara pihak PTPTN sepenuhnya.
4. Bagi pelajar berdaftar KUIS, penyata kewangan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Hasil dan Kewangan Pelajar (BPHKP) adalah dokumen muktamat berkaitan jumlah sebenar yuran keseluruhan pengajian pada setiap semester.

Di sini lahirnya...

Dai'

Ulama'

Umara'



NOTIS PENTING/ PENAFIAN (DISCLAIMER)

Di sini
lahirnya...

1. Dokumen Maklumat Program Pengajian (berserta lampiran) disediakan secara *bona fide* sebagai panduan umum kepada pihak yang berkepentingan dengan peluang melanjutkan pengajian tinggi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), contohnya calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja pengajian dan sebagainya.
2. Semua data dan/ atau maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah betul pada masa dimuat naik ke laman web KUIS. Bagaimanapun, pihak KUIS berhak meminda sebarang data dan/ atau maklumat tanpa sebarang notis pada bila-bila masa mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
3. Pihak yang berkepentingan adalah dicadangkan untuk mengambil sikap berhati-hati dan pro-aktif dengan menghubungi KUIS melalui telefon atau e-mel bagi mendapatkan data dan/ atau maklumat lanjut yang terkini.
4. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan, kerugian dan/ atau sebagainya yang disebabkan oleh penggunaan sebarang data dan/ atau maklumat yang diperolehi dari dokumen Maklumat Program Pengajian ini.
5. Tarikh terakhir dokumen dikemas kini: **5 JULAI 2018**

Dai'

Ulama'

Umara'

